

Edisi 01 / 2012

# BULETIN

مجلس قرآن كوليم



100  
SAMBUTAN  
KE-10 MPKK  
(2001-2011 DECEMBER 2011)

Naskah : Percuma  
Boleh dilayari: [www.mpkk.gov.my/web/guest/buletin](http://www.mpkk.gov.my/web/guest/buletin)

Kulim Bandar Bersih,  
Indah, Maju Dan Selamat

- PROGRAM TRANSFORMASI MASYARAKAT

Menarik di dalam...



Integrity, Speed and Quality Towards Excellence

# Sidang Pengarang

## PENAUNG

Tuan Haji Mohd Zohdi bin Haji Saad  
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim

## PENASIHAT

Tuan Haji Muhamad Arof bin Darus  
Setiausaha, Majlis Perbandaran Kulim

## KETUA PENGARANG

Puan Hasnita binti Mohd Hashim  
Ketua Bahagian Pembangunan Organisasi

## SIDANG PENGARANG

Encik Hamzah bin Ab Halim  
Pengarah, Jabatan Perancangan dan Landskap  
Encik Ahmad Shakir bin Arus  
Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Pelesenan  
Tn Hj Zaidi bin Zainun  
Ketua Bahagian Khidmat Masyarakat  
Encik Halimin bin Lahaming  
Ketua Bahagian Sumber Manusia

## GRAFIK / JURUGAMBAR

Puan Zuraida binti Durani  
Pembantu Tadbir  
Unit Web dan Penerbitan

## Pejabat :

Majlis Perbandaran Kulim  
No 104-120, Lorong Kota Kenari 5/1,  
Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah D.Aman.  
Telefon : 04-4905664/4907526/4906522  
Fax : 04-4901443  
laman web: [www.mpkk.gov.my](http://www.mpkk.gov.my)  
laman aduan: [e-aduan.mpkk.gov.my](http://e-aduan.mpkk.gov.my)  
emel : [info@mpkk.gov.my](mailto:info@mpkk.gov.my)

## SEKAPUR SIRIH DARIPADA

## TUAN YANG DIPERTUA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah dan Syukur ke hadrat illahi, dengan limpah kurniaNya Buletin Khas MPKK ini telah berjaya dihasilkan. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menghasilkannya.

MPKK telah mendapat penarafan perbandaran pada 30 Ogos 2001 dan telah meraikan sambutan ulang tahunnya yang ke 10 bermula Oktober hingga Disember 2011. Pelbagai acara dan aktiviti telah dianjurkan oleh pihak MPKK yang turut melibatkan penduduk Kulim dan masyarakat sekitarnya.

Buletin ini turut mengimbas kembali pentadbiran MPKK dalam memberikan perkhidmatan terbaiknya kepada penduduk Kulim dan sekitarnya. Pelbagai perancangan pembangunan infrastruktur, sosial dan ekonomi telah disusun dan dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan terbaik kepada Daerah Kulim. Projek perumahan bertaraf elit, Kulim Landmark Central, Pasaraya besar telah disediakan untuk dinikmati oleh penduduk Kulim khususnya.

Dan saya yakin, dengan pelbagai prasarana yang telah disediakan ini akan menjadikan Kulim sebuah Bandar yang pesat membangun setanding dengan Pulau Pinang dan Bandar berhampirannya. Pembinaan lebuhraya BKE turut memberi kesan yang besar kepada pembangunan Kulim pada masa kini dan masa hadapan.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga MPKK dan masyarakat Kulim atas sokongan, kerjasama dan komitmen dalam menjayakan perancangan pembangunan Daerah Kulim. Selaras dengan visi dan misi MPKK, peningkatan perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholders akan membantu kecemerlangan MPKK pada tahun-tahun yang akan datang ke arah menjadikan *MPKK peneraju pengurusan perbandaran yang dinamik, berwawasan dan mampu*.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

HAJI MOHD ZOHDY BIN HAJI SAAD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KULIM



## ISI KANDUNGAN

- Web MPKK - 5 star (ms )
- Pembangunan MPKK 2001 - 2011 (ms )
- Pengurusan sisa pepejal (ms )
- Berita sukan (ms )
- Sudut mata lensa (ms )
- Program kemasyarakatan dibawah LA21 (ms )

## Profil Tuan Yang Dipertua

Nama : Haji Mohd Zohdi bin Haji Saad, AMK., BCK.  
 Tarikh Lahir : 22 April 1960  
 Gred Jawatan : Pegawai Tadbir Negeri -N52  
 Alamat : Kampong Tanjung, Padang Terap Kanan,  
 06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman



TARIKH	NAMA JAWATAN DAN TEMPAT BERTUGAS
03.11.1983	Dilantik sebagai Pegawai Tadbir Negeri Kedah
20.12.1983 – 02.03.1986	Menjawat jawatan sebagai Penolong Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah.
01.03.1986 – 31.07.1987	Bertukar ke Pejabat Daerah Baling sebagai Penolong Pegawai Daerah Baling.
01.08.1987 – 15.07.1992	Bertukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan 'A'.
16.07.1992 – 31.07.1997	Bertukar ke Pejabat Daerah Kuala Muda sebagai Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan).
01.08.1997 – 31.03.2003	Bertukar ke Majlis Daerah Kulim (Majlis Perbandaran Kulim) sebagai Setiausaha Majlis Daerah Kulim/Majlis Perbandaran Kulim.
01.04.2003 – 03.05.2004	Bertukar ke Jabatan Zakat Negeri Kedah sebagai Memangku Pegawai Tadbir

04.05.2004 – 28.02.2005	Bertukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan).
01.03.2005 – 30.11.2008	Bertukar ke Jabatan Agama Islam Negeri Kedah sebagai Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.
01.12.2008 – 01.05.2010	Bertukar dan dipinjamkan ke Yayasan Islam Negeri Kedah sebagai Pengurus Besar.
02.05.2010 – 16.07.2011	Bertukar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah sebagai Pemangku Timbalan Pengarah 1 Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah.

## Profil Tuan Setiausaha



Nama : Haji Muhamad Arof bin Darus, AMK., BCK.  
 Tarikh Lahir : 15 April 1967  
 Gred Jawatan : Pegawai Tadbir Negeri -N48  
 Alamat : 80, JALAN 5/8, TAMAN SURIA 5,  
 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

TARIKH	TEMPAT BERTUGAS
16.04.1992	Dilantik sebagai Pegawai Tadbir Negeri Kedah
16.07.1992 – 31.01.1994	Menjawat jawatan sebagai Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran) Kota Setar
01.02.1994 – 31.08.2002	Bertukar ke Pejabat Daerah Kubang Pasu sebagai Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran)
01.09.2002 – 31.08.2004	Di arah bertukar sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan 'E' / Pegawai Penyelaras IMTGT di Pejabat Setiausaha Negeri Kedah
01.09.2004 – 01.01.2009	Ditukar sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan 'F'.
01.01.2009 – 31.12.2008	Di arah bertukar sebagai Memangku Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kewangan)
10.08.2011 – sekarang	Di arah bertukar Memangku Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim

# KURSUS INDUKSI KHUSUS ANGGOTA MPKK



MPKK telah mengadakan kursus induksi khusus kepada anggotanya di Hotel Bustani, Jitra, Alor Setar pada 23-24 September 2011. Kursus ini diadakan bagi memenuhi syarat pengesahan jawatan kepada kakitangan perkhidmatan awam. Seramai 57 orang anggota yang mendapat taraf tetap telah menghadiri Kursus tersebut bermula dari gred 1 hingga gred 41. Objektif kursus ini adalah untuk memastikan semua anggota dapat memahami peranan sebagai anggota MPKK dan meningkatkan semangat kerja berpasukan.

Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Haji Mohd Zohdi bin Haji Saad dan turut memberi amanat kepada semua peserta kursus. Beberapa fasilitator yang terdiri daripada Pegawai Kanan MPKK dijemput mengendalikan kursus tersebut iaitu Encik Hamzah bin Ab Halim, Puan Hajah Siti Fatimah binti Mohd Akhir dan Encik Syahrizal bin Ishak.

Pelbagai aktiviti kerohanian turut diterapkan dengan menjemput beberapa penceramah bagi membincangkan peranan sebagai anggota perkhidmatan awam. Penceramah jemputan yang turut hadir ialah Syeikh Mohd Naim bin Haji Ahmad Dan Ustaz Syeikh Yusoff bin Ahmad.

Majlis penutup dan penyampaian sijil telah dirasmikan oleh Tuan Setiausaha, Tuan Haji Muhamad Arof bin Darus dan beliau turut menyampaikan amanat kepada semua peserta Kursus yang terlibat.



## SANTAPAN ROHANI

Seperti pepatah berkata "Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya". Begitulah juga dengan kita sebagai manusia, pekerja, ibu, bapa, anak dan rakan yang mempunyai hati dan perlu disuburkan dengan ilmu-ilmu kerohanian dan kebatinan.

Justeru itu, MPKK telah mengambil langkah mengisi ilmu-ilmu kerohanian dengan sedikit waktu yang terluang untuk mengadakan pelbagai aktiviti keagamaan seperti ceramah agama, kuliah tajwid dan sebagainya kepada anggotanya. Sedikit sebanyak aktiviti ini akan menyediakan dan menjadikan anggota MPKK dapat melaksanakan tugas kepada masyarakat dengan penuh jujur dan lebih bertanggungjawab.



Aktiviti ini diadakan pada setiap bulan mengikut kesesuaian waktu dengan menjemput penceramah-penceramah luar. Aktiviti ini mendapat sokongan padu daripada anggota bawahan dan atasan, disamping itu juga aktiviti ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara anggota bawahan dan pihak pengurusan atasan MPKK

## **KURSUS FASILITATOR KEPADA PEGAWAI MPKK**

### **MELAHIRKAN ANGGOTA YANG PROAKTIF, PRODUKTIF, KREATIF DAN INOVATIF**

MPKK telah mengadakan Kursus Fasilitator kepada hampir 40 anggotanya untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada kepentingan innovasi dan kreativiti dalam melaksanakan tugas serta perkhidmatan kepada pelanggan. Kursus tersebut telah diadakan pada 21 hingga 22 Disember 2011 bertempat di Dewan Alamanda, Kulim Inn. Kursus tersebut telah mendapat bantuan tenaga pengajar daripada pihak INTAN Wilayah Utara iaitu Encik Abd Aziz bin Yusuf.

MPKK merupakan salah satu agensi Kerajaan Negeri yang berjaya menghasilkan innovasi di peringkat Negeri Kedah dan pernah mewakili Negeri Kedah ke peringkat Kebangsaan. Atas kejayaan ini, MPKK telah berusaha untuk menerapkan daya inovasi dan kreatif kepada semua anggota secara langsung dan tidak langsung. Pendekatan ini dapat menyediakan anggota MPKK ke arah "Menjadi Pengurusan Sumber Manusia Pihak Berkua Tempatan Yang Cekap dan Berkesan" sejajar dengan visi dan misi MPKK menjelang 2015.

Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Tuan Haji Muhammad Arof bin Darus, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim.



### **LAWATAN KERJA AHLI MAJLIS DAN PEGAWAI MPKK KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK)**



Pada 16 Disember 2011, seramai 25 Ahli Majlis dan 15 Pegawai MPKK telah berpeluang membuat lawatan kerja ke Kota Kinabalu, Sabah dan diketua oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Haji Mohd Zohdi bin Haji Saad. Pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada ahli rombongan telah disediakan.

MPKK juga tidak melepaskan peluang untuk melawat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu iaitu salah sebuah PBT yang mempunyai tahap pencapaian yang baik. Lawatan tersebut telah disambut oleh Dato' Pengarah DBKK bersama pegawai kanan DBKK tepat jam 9.00 pagi. Pihak MPKK telah diberi taklimat berkaitan pengurusan sisa pepejal, kutipan tunggakan cukai, pelesenan, landskap dan LA 21. Hasil daripada lawatan ini kedua-dua pihak dapat berkongsi idea dan pengalaman dalam memberi dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholders.

MPKK berharap dengan lawatan kerja seperti ini dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama antara Ahli Majlis dan anggota MPKK dalam memberi perkhidmatan terbaik dari masa ke semasa disamping menjana idea untuk diaplikasikan di Daerah Kulim khususnya.

# KONVENTSYEN KIK PERINGKAT NEGERI KEDAH 2011



Kejayaan ini telah menjadikan MPKK sebuah agensi yang mempunyai daya inovasi dan kreatif yang tinggi serta komitmen yang tinggi oleh pihak pengurusan serta kerjasama daripada anggota yang bertungkus lumus dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan terbaiknya kepada pelanggan.

Ucapan tahniah kepada kedua-dua kumpulan yang telah berjaya meletakkan MPKK sebagai sebuah agensi yang cemerlang di Negeri Kedah.

MPKK sekali lagi telah menyertai Konvensyen KIK Peringkat Negeri Kedah bagi Tahun 2011 yang telah diadakan pada 5-6 September 2011 bertempat di Dewan Seri Negeri, Alor Setar. MPKK telah mempertandingkan 2 kategori inovasi iaitu kategori pengurusan yang diwakili oleh Kumpulan Transformer dan kategori teknikal yang diwakili oleh Kumpulan Env Care.

Kumpulan Transformer telah berjaya menggondol Naib Johan bagi Kategori Pengurusan dengan tajuk inovasi KELULUSAN LESEN TIDAK BERISIKO 20 MINIT, kumpulan ini telah diketuai oleh Puan Hasnita binti Mohd Hashim dan fasilitatornya Encik Mohd Nazri bin Harun. Manakala ahli-ahli kumpulannya terdiri daripada Cik Sofiah binti Othman, Cik Rozita binti Awang, Puan Mazlina binti Abdul Wahab, Cik Mar Zatul binti Che Mohd, Encik Abdul Kamal bin Mohd Isa dan Encik Azami bin Kasim.

Kumpulan E-nv Care telah berjaya meraih tempat Ke-Tiga bagi Kategori Teknikal dengan tajuk inovasinya "MASALAH LONGGOKKAN SAMPAH DI KAWASAN TAMAN PERUMAHAN YANG TINGGI" kumpulan ini telah diketuai oleh Tuan Haji Zaidi bin Zainun dan fasilitatornya Encik Ahmad Shakir bin Arus. Ahli kumpulan terdiri daripada Encik Hamdan bin Zarkasi, Cik Siti Rohayu binti Abdul Mokti, Encik Halimin bin Lahaming dan Encik Mohd Razif bin Mohammad.

# ICT- PORTAL MPKK 5 STAR

MAJLIS PERBANDARAN KULIM telah berjaya mendapat pengiktirafan Portal 5 Bintang dalam Penilaian Portal/Web Agensi Kerajaan 2011. Menduduki tempat yang ke 6 teratas secara keseluruhan daripada 387 Portal dan tempat ke 3 bagi ranking Pihak Berkuasa Tempatan.

Pengiktirafan ini telah di sampaikan oleh MDeC (Multimedia Development Corporation). Pengiktirafan ini adalah bertujuan untuk memastikan Portal/web pada setiap agensi kerajaan mempunyai standard piawaian setanding antarabangsa.

Bercirikan mesra pengguna serta memberi perkhidmatan yang efektif dan memberi pulangan nilai kepada pelanggan melalui pendekatan terbaik e-kerajaan dan juga untuk memastikan portal kerajaan sentiasa menyediakan perkhidmatan yang cemerlang.

Pelbagai kriteria yang telah disyaratkan oleh pihak MAMPU bagi tujuan keseragaman Portal Agensi Kerajaan. Kriteria Penilaian ini adalah bertujuan untuk memastikan laman web agensi kerajaan mempunyai standard yang setanding dengan standard antarabangsa, mesra pengguna serta memberikan perkhidmatan yang efektif dan memberikan nilai kepada pelangannya melalui pendekatan terbaik e-kerajaan dan juga untuk memastikan laman web kerajaan sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Pada bulan Disember 2011, penyampaian anugerah telah dibuat di Hotel Equatorial Melaka kepada agensi yang berjaya mendapat pengiktirafan 5 Bintang di mana MPKK adalah salah satu agensi yang diberikan penghormatan untuk menerima anugerah tersebut. Tahniah MPKK, semoga terus mengekalkan kejayaan ini di tahun-tahun akan datang.

INFO  
PENGURUSAN



The image consists of two main parts. On the left, there is a physical award trophy for 'PENARAFAN 5 BINTANG' (5 Star Accreditation) given by EPU (Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2011). On the right, there is a screenshot of the official website of Majlis Perbandaran Kulim (MPKK). The website has a green header with the title 'Portal Rasmi MAJLIS PERBANDARAN KULIM'. Below the header, there are several photo galleries. At the bottom left of the website, there is a red banner with the text 'HAFUSKAN DENGKI! Ambil Langkah Boleh Untuk Kesehatan Anda.' (Save Dengki! Take steps for your health). The overall theme of the image is the recognition of MPKK's achievement in having a well-designed and user-friendly website.

# PENSWASTAAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Pengumuman kerajaan pusat untuk mengambil alih perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam mulai September 2011 adalah beretepatan dengan cadangan Plan Strategik Kebangsaan untuk Pengurusan Sisa Pepejal 2005 (*National Strategic Plan for Solid Waste Management 2005*) iaitu menswastakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam supaya perkhidmatan ini lebih efektif.

Selaras dengan usaha tersebut, Akta Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah di luluskan oleh Parlimen pada tahun 2007. Akta ini memberi kuasa eksekutif kepada kerajaan pusat untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang sebelum ini di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa Tempatan. Akta 672 ini juga memberi kuasa kepada kerajaan pusat untuk mengikat perjanjian dengan mana-mana pihak untuk mengurus dan melaksanakan perkhidmatan tersebut.

Di Majlis Perbandaran Kulim, Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. (*E. Idaman*) telah dilantik oleh kerajaan pusat untuk melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara konsesi selama 22 tahun mulai September 2011.

Secara amnya perkhidmatan yang diberikan oleh *E. Idaman* adalah mengutip sampah di kawasan taman-taman perumahan, kawasan perniagaan, jalan-jalan utama, pasar dan pasar malam, pekan-pekan utama serta lain-lain tempat awam seperti di Stesen Bas dan Teksi.

Untuk aktiviti pembersihan awam ia terdiri dari kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan parit awam di taman-taman perumahan dan pekan-pekan utama serta kutipan sampah bahu jalan-jalan utama.

Mengenai pemantauan perkhidmatan *E Idaman*, ia dilakukan secara bersama antara Majlis Perbandaran Kulim (MPK) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) cawangan Kulim.

Beberapa Indikator Utama (KPI) mengenai perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam telah dikenakan ke atas *E Idaman* bertujuan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan se-diada.



Satu Jawatankuasa Penyelarasan Kawasan (RIC) telah dibentuk diperingkat negeri yang terdiri dari wakil-wakil PBT dan anggota penguatkuasa PPSPPA. Jawatankuasa ini bertanggungjawab membuat cadangan dan mengesyorkan apa-apa perkara berkaitan perkhidmatan syarikat *E Idaman*. Cadangan dan syor yang dikemukakan akan di bawa untuk disahkan oleh Jawatankuasa Tahap Perkhidmatan (JTP) di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Secara keseluruhannya penswastaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di daerah Kulim adalah masih baru dan memerlukan perhatian semua pihak. Sehubungan itu, pihak MPK masih menerima aduan mengenai perkhidmatan *E-Idaman*. Aduan ini akan disalurkan untuk tindakan PPSPPA depan *E Idaman*.

Terdapat 238 taman perumahan dan petempatan penduduk di kawasan MPKK yang menerima perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada *E- Idaman*.

Menyentuh aspek pembayaran, pihak MPKK masih perlu menjelaskan bayaran bulanan kepada pihak PPSPPA tidak kurang RM 600,000.00 sebulan. Jika terdapat pertambahan taman perumahan dan kawasan operasi, jumlah bayaran tersebut akan terus bertambah.

Pihak *E-Idaman*, PPSPPA dan MPKK sentiasa berganding bahu untuk menjalankan kempen kitar semula di kalangan masyarakat Kulim. Diharapkan usaha-usaha ini akan dapat mengurangkan penjanaan sampah untuk dilupuskan di tapak pelupusan.

Sehingga kini, perkhidmatan yang diberikan oleh *E Idaman* adalah memuaskan terutama berkaitan pemotongan rumput dan kutipan sampah berjadual. Bagi perkhidmatan pembersihan longkang ia masih di tahap sederhana dan semakin meningkat dengan usaha penambahbaikan pihak *E-Idaman* dengan memberi fokus kepada parit yang tertinggal perkhidmatan tersebut sebelum penswastaan dan penguatkuasaan yang tegas daripada pihak PPSPPA.

# **PROGRAM MESRA PELANGGAN**

## **-Hari Bertemu Pelanggan-**



MPKK dalam usahanya meningkatkan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Kulim khasnya telah merancang pelbagai program kemasyarakatan dan salah satunya ialah Hari Bertemu Pelanggan. Program ini telah berjaya mendekatkan MPKK dengan masyarakat, dimana program ini telah diadakan secara bulanan iaitu pada hari Ahad setiap hujung bulan. Beberapa lokasi strategic telah dipilih dan MPKK telah membuka beberapa kaunter untuk kemudahan orang ramai iaitu kaunter cukai taksiran, kompaun, penilaian, sewaan ruang niaga, aduan dan kaunter khidmat. MPKK juga turut menjemput beberapa agensi kerajaan untuk turut serta bagi memeriahkan aktiviti pada hari tersebut. Hasil daripada itu , MPKK telah menerima pandangan yang positif daripada pelbagai pihak terutamanya masyarakat Kulim.

Melihat kepada perkembangan yang positif ini, MPKK akan terus mengadakan program ini dan MPKK akan berusaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan serta penambahbaikan berterusan untuk perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat Kulim. Dengan berjaya program ini objektif MPKK untuk lebih dekat kepada masyarakat telah tercapai. Terima kasih kepada penduduk Kulim di atas sokongan padu yang telah diberikan dalam setiap program MPKK bagi meningkatkan mutu perkhidmatan MPKK.

### **Sepanjang 2011**

Tarikh : 30 Januari 2011  
Tempat : Taman Mabsuri, Padang Serai

Tarikh : 27 Februari 2011  
Tempat ; Perkarangan Taman Tasik Putra

Tarikh : 27 Mac 2011  
Tempat : Taman Mutiara, Sungai Kob

Tarikh : 29 Mei 2011  
Tempat : Medan Usahawan, Kulim

Tarikh : 31 Julai 2011  
Tempat : Medan Usahawan, Kulim

Tarikh : 28 Ogos 2011  
Tempat ; Kulim Landmark Center

Tarikh : 25 September 2011  
Tempat : Kulim Landmark Center

# MEREALISASIKAN KULIM BANDAR BERSIH

## Konsep Gotong Royong Hala Cara Baru (GRHCB) MPKK

MPKK telah memperkenalkan Pendekatan Aktiviti Gotong Royong dengan menyemarakkan semangat 'Kebersihan Bermula Dari Rumah' dan Kempen 'Look After Your House' dalam memelihara persekitaran. Dalam pendekatan ini hampir seluruh penduduk dalam satu-satu Taman Perumahan sama-sama mengembelikan tenaga membersih perkarangan dan persekitaran bahu jalan hadapan rumah masing-masing.

Manakala NGOs, Syarikat Swasta dan Agensi Kerajaan melaksanakan aktiviti gotong royong di kawasan jalan/parit utama, padang permainan dan perkarangan bangunan kemudahan awam seperti dewan, masjid dan surau. Melalui gotong royong ini MPKK bersama E-Idaman Sdn. Bhd. hanya menyediakan khidmat nasihat serta logistik kepada penduduk, manakala perjalanan gotong royong diuruskan sendiri oleh Jawatankuasa Penduduk setempat dengan bantuan khidmat nasihat daripada Ahli Majlis dan Pegawai Kawasan setiap zon.

Pendekatan Gotong royong ini telah memberikan impak yang positif dengan masa pelaksanaannya yang singkat. Ianya juga dapat membangkitkan kesedaran kepada semua penduduk di kawasan perumahan akan tanggungjawab masing-masing dalam memelihara kualiti persekitaran rumah.

Konsep pelaksanaan gotong royong sebegini telah diperkenalkan pada Jun 2010 yang lalu. Taman Kulim Square dan Taman Rambai dan Taman Nanas dijadikan projek perintis bagi menguji keberkesanannya konsep gotong royong ini. Kemudian konsep gotong royong ini diperluaskan lagi ke Taman Lagenda, Taman Tiram, Taman Kenari dan Taman Kota Kenari. Konsep Gotong Royong ini telah memberi impak positif terutamanya dari aspek kebersihan kawasan secara menyeluruh dan menyemarakkan kesedaran kepada penduduk tentang pemeliharaan alam sekitar di kawasan kediaman masing-masing khususnya dan di kawasan kejiranannya amnya. Sambutan yang baik daripada penduduk, NGOs dan pihak swasta dapat dilihat melalui kesanggupan dan kesungguhan mereka mengembelikan tenaga sehingga selesai aktiviti gotong royong.

Pada 23 Januari 2011 (Ahad), MPKK bersama Jawatankuasa Penduduk, Pihak Swasta, agensi kerajaan dan NGOs telah bersepakat mengadakan gotong royong 'Hari Kebersihan Kulim' sempena menyambut hari Keputeraan KYDM Tuanku Sultan Kedah yang ke-83. Konsep Gotong Royong yang dilaksanakan pada tahun 2010 diteruskan lagi memandangkan kepada keberkesanannya sebelum ini.

Aktiviti gotong royong pada hari tersebut melibatkan 16 lokasi yang dipilih oleh Jawatankuasa Tindakan Kebersihan Persekitaran MPKK berdasarkan persetujuan Jawatankuasa Penduduk setempat. Bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari semua kawasan dapat diselesaikan gotong royongnya secara serentak.



Program gotong royong sebegini akan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang tanggungjawab mereka menjaga alam sekitar .

Yang menariknya, penduduk telah mula menjalankan aktiviti kebersihan persekitaran rumah masing-masing sehari sebelum hari gotong royong dijalankan.

Gotong royong seumpama ini telah membantu mengurangkan kegiatan pembuangan sampah haram di sesuatu kawasan. Penduduk berkesempatan membuang segala bahan atau barang yang sudah tidak dipakai dan sekaligus menjadikan seluruh taman berkeadaan bersih dan indah.

# MEREALISASIKAN KULIM BANDAR INDAH

inFO PENGURUSAN



**Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan**

Selaras dengan visi dan misi MPKK, satu jawatankuasa kebersihan telah ditubuhkan bagi memantau aktiviti kebersihan seperti pemotongan rumput di sepanjang bahu jalan dan kawasan lapang, pungutan sampah, kebersihan longkang dan tindakan ke atas aduan awam berkaitan dengan kebersihan oleh pihak swasta. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua, manakala ahlinya terdiri daripada Pegawai Kanan MPKK, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Syarikat Belati Wangsa (Kontraktor Penyelenggaraan Jalan Persekutuan), Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal. Mesyuarat ini diadakan secara mingguan pada setiap hari Isnin. Mesyuarat ini telah memberi impak besar kepada MPKK dalam usaha merealisasikan Kulim Bandar Indah.

## Konsep Gotong-Royong Hala Cara Baru

Bagi meningkatkan tahap kebersihan dalam daerah Kulim keseluruhannya, penglibatan dan komitmen daripada seluruh masyarakat Kulim amat diperlukan. Justeru itu, MPKK telah memperkenalkan pendekatan aktiviti gotong-royong hala cara baru dengan menggunakan beberapa kaedah atau kempen untuk menyemarakkan semangat penduduk. Bermula dengan kempen 'Kebersihan Bermula Dari Rumah' dan kempen 'Look After Your House' yang berfungsi untuk menarik minat penduduk dalam sesebuah taman perumahan dalam sama-sama menggembangkan tenaga menjaga serta membersihkan perkarangan dan persekitaran bahu jalan rumah masing-masing.

Pihak NGOs, Syarikat Swasta dan Agensi Kerajaan turut melaksanakan aktiviti gotong-royong di kawasan jalan/parit utama, padang permainan dan perkarangan bangunan kemudahan awam seperti dewan, masjid atau surau.

Pendekatan ini telah memberikan impak yang positif kepada semua pihak terutamanya penduduk setempat. Masa pelaksanaan yang singkat, kesedaran tanggungjawab penduduk terhadap kebersihan meningkat dalam memastikan kawasan persekitaran bebas dari pelbagai gejala negatif.



**Pendekatan Program LA21**

MPKK telah menujuhkan Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Kebersihan Persekutuan di bawah Program LA 21. Jawatankuasa ini berperanan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti serta projek berkaitan Pendidikan Kesedaran Kebersihan bersama Jawatankuasa Penduduk, NGOs, Syarikat Swasta dan Agensi Kerajaan. Jawatankuasa ini turut melibatkan pegawai MPKK dan Ahli Majlis MPKK yang telah dipecahkan mengikut zon masing-masing.



**Pelaksanaan Dasar Pembangunan**

MPKK turut melaksanakan dasar atau garis panduan berkaitan Parit Tertutup dan dasar Penyediaan Ruang Pejalan Kaki di sepanjang jalan hadapan rumah. Dasar ini telah disyaratkan kepada semua jenis pemajuhan baru yang akan dilaksanakan dalam daerah Kulim.

## PROGRAM PENINGKATAN IMEJ JALAN PROTOKOL DAN JALAN UTAMA BANDAR KULIM

Program peningkatan imej kepada jalan protokol dan jalan utama di dalam Bandar Kulim merupakan salah satu program untuk meningkatkan imej Bandar Kulim. MPKK telah melaksanakan aktiviti pembersihan Jalan Protokol dan Jalan Utama sekitar kawasan pentadbirannya bermula Januari 2011. Melalui program ini jalan-jalan tersebut lebih lebar dan selesa kepada lalulintas.

Selaras dengan memastikan Bandar Kulim sentiasa bersih satu Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan MPKK yang ditubuhkan turut memainkan peranan penting dalam menjaga dan memantau aktiviti kebersihan dari masa ke semasa. Sehingga kini, MPKK melalui Unit Tindakan Khas telah berjaya menyahkan benda asing di sepanjang bahu-bahu jalan protokol dan jalan utama yang melibatkan 35km.




**Penamaan Jalan Protokol dan Jalan Utama Bandar Kulim.**

BIL.	SENARAI JALAN PROTOKOL DAN JALAN UTAMA	NO. J. JKR	CADANGAN NAMA JALAN	PANJANG (KM)
1.	Jalan BKE-Kilang Lama	FT136	Jalan Sultan Badlishah	4.50
2.	Jalan Kulim-Kilang Lama	FT254	Jalan Tunku Abdul Rahman	2.90
3.	Jalan Balai Polis Lama-B.Mertajam	FT254	Jalan Sultan Abdul Hamid	3.99
4.	Jalan Kilang Lama-Persimpangan Tmn. Merak	FT136	Jalan Sultanah Bahiyah	2.87
5.	Jalan Lencongan Barat	K812	Jalan Perdagangan	7.15
6.	Jalan Paya Besar	K812	Jalan Paya Besar	2.50
7.	Jalan KIE-BKE	-	Jalan Perusahaan	5.07
8.	Jalan Kulim – Sg. Ular	K814	Jalan Damai	3.33
9.	Jalan Hospital	-	Jalan Tasik	0.98
10.	Jalan Pondok Labu – Taman Selasih	K823	Jalan Putra	2.02
11.	Jalan Sg. Lembu-Keladi	K120	Jalan Sejahtera	4.22
JUMLAH KESELURUHAN				39.53



**Pembersihan Bahu Jalan Protokol dan Jalan Utama Bandar Kulim.**



## MEREALISASIKAN KULIM BANDAR MAJU

INFO PENGURUSAN



Tuan YDP sedang memberi hala tuju pembangunan masa depan kepada Pemaju dan Perunding dalam Sesi Dialog D'SPACE.

### INSENTIF KEPADA PEMBANGUNAN YANG BERIMPAK TINGGI DI MAJLIS PERBANDARAN KULIM

MPKK telah mengadakan sesi dialog D'SPACE (Developer, Surveyor, Planners, Architec and Consultant Engineer) sejak tahun 2010. Dialog ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pihak D'SPACE dengan MPKK. Melalui sesi tersebut semua ahli dapat membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan perjalanan OSC, konsep perancangan dan pembangunan yang lebih inovatif sesuai dengan perubahan semasa dan masa hadapan. Sesi dialog ini turut dihadiri oleh agensi teknikal seperti JPBD, JPS, JKR, PTD, SADA dan IWK.

### Kulim Landmark Central



Pemandangan pada waktu siang di sekitar Kulim Landmark Central



Pemandangan pada waktu malam di sekitar Kulim Landmark Central



Ruang makan yang selesa dan ekslusif telah menarik ramai pelanggan daripada KHTP dan penduduk Seberang Perai.

Kulim Landmark Central terletak di Jalan perdagangan merupakan salah satu kawasan tumpuan pembangunan kompleks perniagaan baru. Kawasan ini dilengkapi dengan Kompleks Perniagaan, Bangunan Pejabat, Hotel, Institusi Bank, Kedai Pejabat 3 Tingkat dan tempat letak kereta yang mencukupi.

Pembinaan bangunan makanan segera iaitu Mc Donalds Drive Thru yang beroperasi 24 jam turut memberi kesan kepada pembangunan Daerah Kulim. Perniagaan tersebut mula beroperasi pada 1 Disember 2010.

Kedua-dua projek pembangunan ini merupakan salah satu projek yang dipantau terus oleh MPKK untuk melihat keberkesanannya melalui pelaksanaan peruntukan Seksyen 12 dan 13, UBBL 1984 dan Pindaan 2007 iaitu Kelulusan Dasar dan Kebenaran Khas diberikan dalam tempoh 7 hari bagi menyeferakan pelaksanaan pembinaannya dan siap dalam tempoh 3 bulan. Disamping itu, lesen perniagaan tidak berisiko oleh MPKK telah diluluskan dalam tempoh 24 jam.

Disamping itu, pembangunan ini turut meningkatkan imej kawasan tersebut dari segi kebersihan, pencahayaan dan keceriaan pada waktu malam dan turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk Kulim khususnya golongan belia.

### Kuarters Kastam Kulim



Projek ini dilaksanakan dibawah peruntukan Seksyen 12 dan 13, UBBL 1984 & Pindaan 2007 iaitu Kelulusan Dasar dan Kebenaran Khas diberikan dalam tempoh 7 hari bagi menyeferakan pelaksanaan pembinaannya dan siap dalam masa 5 bulan.



Bangunan Mahkamah Kulim yang baru siap dibina menambahkan lagi keindahan Bandar Kulim pada waktu siang dan waktu malam



Pejabat Tenaga Rakyat



Bangunan Pejabat Tenaga Rakyat yang baru siap dibina menambahkan lagi keceriaan Bandar Kulim terutamanya pada waktu malam.



Bagi mempercepatkan proses kemajuan di Kulim, MPKK telah menyusun strategi yang mampu menarik ramai pemaju dan juga pembangunan ke Kulim. Antaranya ialah mempercepatkan proses kelulusan pelan pemajuan dengan menggunakan peruntukan Seksyen 12 Dan 13 UBBL 1984 & Pindaan 2007. Projek-projek yang diluluskan pelaksanaannya dengan menggunakan peruntukan ini ialah:-

1. Kilang 'First Solar (M) Sdn. Bhd.
2. Kuarters Kastam Kulim
3. Pejabat Tenaga Rakyat
4. Bangunan Makanan Segera Mc. Donald.



# SUDUT MATA LENSA

Aktiviti sepanjang Sambutan Ulang Tahun Ke-10 MPKK

OKT 2011



Majlis Bacaan Yasin  
Pada : 6 Okt 2011  
Tempat :



Futsal Tertutup MPKK.  
Pada : 29 Okt 2011 (Sabtu)  
Tempat : Arena Futsal, Lunas



Program Membersih Sungai Pa-  
da : 30 Okt 2011 (Ahad)  
Tempat : Sungai Tebuan



Pertandingan Memancing  
Pada : 22 Okt 2011  
Tempat : Taman Tasik Putra



Program Gotong Royong  
Pada : 30 Okt 2011 (Ahad)  
Tempat : Pekan Mahang.



Pertandingan gubahan bunga dan Orkid  
Pada : 29 Okt 2011 : Tempat : Medan Usahawan,

DIS 2011



Badminton Tertutup MPKK.  
Pada : 29 Okt 2011 (Sabtu)  
Tempat : Dewan CRC, Kulim



Kayuh@Kulim  
Pada : 11 Dis 2011  
Tempat : Mini Stadium Keladi



Bola Sepak Terbuka MPKK  
Pada : 31 Dis 2011  
Tempat : Mini Stadium Keladi



## NOV 2011



Pertandingan Futsal Terbuka MPKK  
Pada : 12 Nov 2011 : Tempat : Arena Futsal, Lunas



Larian MPKK  
Pada : 13 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Forum Perdana  
Pada : 22 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Pertandingan Boling Terbuka  
Pada : 27 Nov 2011 : Tempat : Ole-Ole Superbowl, Giant



Semarak Genta Puisi  
Pada : 27 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Majlis Perasmian Ulang Tahun MPKK  
Pada : 22 Nov 2011 : Tempat : Dewan Bandaran, Kulim



Pertandingan Marhaban  
Pada : 25 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Wacana Karyawan  
Pada : 27 Nov 2011 : Tempat : Dewan UNiKL



'Outoshow-kereta antik'  
Pada : 27 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Pertandingan Pidato  
Pada : 25 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Pertandingan Kayak MPKK  
Pada : 26 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Pertandingan Nasyid  
Pada : 26 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim



Pertandingan Memasak  
Pada : 27 Nov 2011 : Tempat : Taman Tasik Putra, Kulim

## PROGRAM BANDAR SELAMAT MAJLIS PERBANDARAN KULIM TAHUN 2011



**Perihal Program Bandar Selamat (NKRA) Tahun 2011**

**Peruntukan Yang Diluluskan : RM 800,000**

**Tarikh Mula Projek** : 01/06/2011  
**Tarikh Siap Keseluruhan** : 10/08/2011


BIL.	PAKEJ SEBUTHARGA	KOS PROJEK
1	Cadangan pencahayaan di Daerah Kulim	172,580.00
2	Cadangan pembinaan ruang pejalan kaki di Kawasan Kulim	162,118.35 (17,176.55 TAMBAHAN)
3	Cadangan pembinaan ruang pejalan kaki di Kawasan Lunas	162,125.10
4	Cadangan penyediaan bollard, cermin dan rel penghadang di Daerah Kulim	126,000.00
5	Cadangan pembinaan ruang pejalan kaki di Jalan Tunku Asaad, Kulim	160,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>800,000.00</b>

Daripada 24 hotspots yang telah disahkan oleh PDRM, 8 lokasi telah dipilih untuk 3 langkah Program Bandar Selamat (pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor & cermin keselamatan) di Majlis Perbandaran Kulim pada tahun 2011. 8 kawasan tersebut adalah:

- 1) Kelang Lama (Berhadapan Plaza Kulim)
- 2) Pasar Besar Kulim
- 3) Jalan Tunku Putra
- 4) Pusat Bandar Kulim (Jalan Tunku Mohd Asaad)
- 5) Pekan Lunas
- 6) Stesen Bas Kulim
- 7) Jalan Sungai Limau
- 8) Jalan Tasik

**Rasional pemilihan lokasi-lokasi tersebut adalah:**

- 1) Kawasan tumpuan orang ramai
- 2) Terdedah kepada risiko jenayah jalanan



Pembinaan Ruang Pejalan Kaki di Jalan Tunku Mohd Asaad. Sepanjang 200 meter untuk pejalan kaki yang dahulunya sering menggunakan laluan kenderaan sebagai ruang untuk berjalan.



Penyediaan Laluan Pejalan Kaki Berlampa Di Jalan Tasik Sekitar Bangunan Mahkamah Kulim



Laluan Pejalan Kaki berlampa yang di bina oleh Pemaju

# **BERSATU, BEKERJASAMA, SEMANGAT KEKITAAN MEMBENTUK UMAT SEJAHTERA**



Majlis dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman Y.A.B Dato' Seri Ustaz Azizan Bin Abdul Razak,. SPMK., JP



Lawatan ke tapak jualan oleh YAB Menteri Besar Kedah diiringi oleh Tuan Yang Dipertua MPKK.

Majlis perasmian sambutan ulang tahun ke 10 Majlis Perbandaran Kulim telah di adakan pada 22 November 2011 bertempat di Dewan Bandaran Kulim telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman Y.A.B Dato' Seri Ustaz Azizan Bin Abdul Razak,. SPMK., JP

Dalam ucapan perasmian tersebut YAB Menteri Besar mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak yang terlibat di atas kejayaan Majlis Perbandaran Kulim dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini melalui pencapaian yang cemerlang dalam aspek pembangunan Daerah mahupun pembangunan organisasi. Banyak pembaharuan dan penambahbaikan yang telah dibuat terutamanya dalam melaksanakan program pembangunan, mewujudkan peluang perniagaan, menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan awam, riadah pengawalan alam sekitar dengan peningkatan kualiti kebersihan dan pengindahan serta mempermudah dan mempercepatkan proses kerja untuk faedah dan keselesaan seluruh masyarakat Daerah Kulim.

Beliau berharap agar semua penduduk dan masyarakat daerah kulim dapat bekerjasama dan saling membantu ini kerana Sesbuah negeri akan bertambah maju apabila kemajuan berlaku dengan jayanya di peringkat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan dan kejayaan ini tidak datang dengan sendirinya tanpa kerjasama, sokongan dan keperihatinan oleh semua pihak.

Di akhir program YAB Menteri Besar melawat ke gerai pameran sambil beramah mesra dengan para peniaga yang mengambil bahagian dalam Karnival Usahawan yang juga di adakan di Taman Tasik Putra, Kulim bersempena sambutan 10 Tahun MPKK.





Bersempena dengan malam kesenian islam beberapa aktiviti telah berlangsung bertempat di taman tasik putra Kulim yang bermula 22 November 2011 dan berakhir pada 27 November 2011. Antara aktiviti yang telah di anjurkan adalah Forum Perdana, pertandingan Hafazan , pertandingan Pidato, pertandingan Marhaban dan Burdah serta pertandingan Nasyid. Malam kesenian islam ini juga telah diceriakan lagi dengan kehadiran artis nasyid terkenal iaitu kumpulan In-Team serta beberapa artis tempatan yang djemput khas bagi memeriahkan malam tersebut. Turut hadir memeriahkan majlis tersebut ialah YB DUN Merbau Pulas serta ahli-ahli Majlis Perbandaran Kulim.





Sambutan Tahun Baru di adakan di seluruh Negara dan Kedah juga tidak ketinggalan dalam menyambut sambutan tahun baru melalui Sambutan Ambang Sejahtera 2012 peringkat Negeri Kedah. Kulim telah dipilih untuk menjadi tuan rumah pada kali ini iaitu di Dataran Putra, Kulim. Pelbagai aktiviti kebudayaan dan sukan melibatkan semua kaum telah dipersembahkan. Sambutan tersebut telah dihadiri oleh EXCO Kerajaan Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan, NGO dan lain-lain agensi daerah Kulim.

Sambutan Ambang Sejahtera yang julung kalinya diadakan di Kulim telah dihadiri hampir 3000 orang penduduk Kulim. Majlis turut diserikan dengan tembakan bunga api selepas detik 12.00 tengah malam. Rata-rata penduduk Kulim gembira di atas pemilihan Kulim bagi meraikan sambutan tahun 2012.  
SELAMAT TAHUN BARU 2012.



# Karnival Sukan Ceriakan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 MPKK





### KARNIVAL SUKAN

Sempena Ulang Tahun Ke-10 MPKK, beberapa aktiviti sukan telah dianjurkan oleh pihak Majlis. Pertandingan yang telah diadakan ini dapat mengeratkan hubungan antara masyarakat dengan MPKK. Penglibatan seluruh masyarakat Kulim dalam semua pertandingan yang telah di-anjurkan telah memeriahkan sambutan ulang tahun MPKK. Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Zohdi bin Haji Saad, Yang Dipertua MPKK. Antara aktiviti sukan yang telah diper-tandingkan ialah :-

- |                                    |   |                 |
|------------------------------------|---|-----------------|
| 1. Pertandingan Memancing          | - | 22/10/2011      |
| 2. Pertandingan Futsal Terbuka     | - | 12/11/2011      |
| 3. Larian MPKK                     | - | 13/11/2011      |
| 4. Pertandingan Boling Terbuka     | - | 25 – 27/11/2011 |
| 5. Pertandingan Kayak              | - | 26/11/2011      |
| 6. Sukan Rakyat                    | - | 27/11/2011      |
| 7. Pertandingan Badminton Tertutup | - | 10/12/2011      |
| 8. Pertandingan Bola Sepak Terbuka | - | 17 – 18/11/2011 |

# LA-21

## -Sepakat membawa berkat-



### Ahli Jawatankuasa

Pengarah Perancang Bandar & Desa Negeri Kedah  
Jurutera Daerah JKR Kulim/B. Baharu  
Jurutera Daerah JPS Kulim/Bandar Baharu  
Ketua Polis Daerah Kulim  
Pegawai Kesihatan Daerah Kulim  
Encik Alwee bin Noordin  
Encik Othman bin Don  
Encik Sulaiman bin Ibrahim  
Tuan Haji Arifin bin Abdul. Rahman  
Cik Roslijah bt S. Syed  
Encik Sandrasekharan a/l Vellasamy  
Tuan Haji Mohd. Pauzi bin Md. Tahir, BKM  
Encik Mohd. Nabil bin Puteh, PJK  
Encik Sazalí bin Sudin, BKM  
Puan Suraiya bt Hashim  
Encik Khairul Nizam bin Mohd. Razali  
Encik Mohd. Nizam bin Baharuddin  
Encik Teh Teik Seng  
Encik Lai Kah Toong  
Encik Neelamekan a/l Selamutu  
Pengarah Jabatan Perancangan & Landskap MPKK  
Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKK  
Pengarah Jabatan Bangunan MPKK  
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan MPKK  
Wakil Penduduk  
Wakil NGOs (JCI)  
Wakil Pihak Swasta  
Ketua Bahagian Khidmat Masyarakat MPKK - Urusetia

### TOR J/KUASA INDUK AGENDA 21 KULIM

- 1.Merancang program dan aktiviti berkaitan dengan Program LA 21 Majlis Perbandaran Kulim.
- 2.Memantau perjalanan program dan aktiviti berkaitan dengan Program LA 21 Majlis Perbandaran Kulim.
- 3.Melaporkan program dan aktiviti berkaitan dengan Program LA 21 Majlis Perbandaran Kulim kepada Majlis Penuh.
- 4.Merancang dan mengatur Program Tahunan berkaitan dengan Program LA 21 Majlis Perbandaran Kulim.

# JAWATANKUASA INDUK AGENDA 21 KULIM (LOCAL AGENDA) 21 MAJLIS PERBANDARAN KULIM

inFO PEMBANGUNAN



Timbalan Pengurus  
Haji Muhamad Arof bin Darus, AMK., BCK.  
Setiausaha  
Majlis Perbandaran Kulim



Haji Mohd. Zohdi Bin Haji Saad AMK., BCK.  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kulim



Pegawai LA21  
Hj Zaidi bin Zainun  
Ketua Bahagian Khidmat Masyarakat

## JIK KERJA PEMELIHARAAN TASIK DAN SUNGAI

Pengerusi : Lai Kah Toong  
Setiausaha : Baharom bin Ariffin  
Pembantu Tadbir Kanan (N22)

## JIK KERJA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KITAR SEMULA

Pengerusi : Neelamekan al Selamutu  
Setiausaha : Ahmad Shakir Bin Arus  
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan

## JIK KERJA PENGHIJAUAN BANDAR

Pengerusi : Haji Ariffin Bin Abdul Rahman  
Setiausaha : Ummi Kalsom bt Ishak (Pem. Pertanian G22)  
Suhaimi bin Mohamad Isa (PTPO N17)

## JIK KERJA KEBERSIHAN PERSEKUTARAN

Pengerusi : Sulaiman Bin Ibrahim  
Setiausaha : Ahmad Shakir bin Arus  
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan

## JIK KERJA KESELAMATAN KEJIRANAN

Pengerusi : Mohd. Pauzi Bin Md. Tahir, BKM.  
Setiausaha : Puan Irma Salina Binti Salleh  
Ketua Bahagian OSC

## JIK KERJA PERSEKITARAN SIHAT

Pengerusi : Mohd. Nizam Bin Baharuddin  
Setiausaha : Halimin Bin Lahaming  
Ketua Bahagian Sumber Manusia

## JIK KERJA MASYARAKAT PRIHATIN

Pengerusi : Haji Mohd. Nabil Bin Putih, PJK,  
Setiausaha : Hj Zaidi bin Zainun  
Ketua Bahagian Khidmat Masyarakat

## JIK KERJA PEMBANGUNAN INSAN

Pengerusi : Hj Othman bin Don  
Setiausaha : Hj Zaidi bin Zainun  
Ketua Bahagian Khidmat Masyarakat

**e-borang**

<http://www.facebook.com/pages/Majlis-Perbandaran-Kulim>

<http://osc-online.mpkk.gov.my/eOSC>

<http://e-aduan.mpkk.gov.my>

<http://www.mpkk.gov.my/web/guest/e-borang>

<http://enquiry.mpkk.gov.my/index>

Majlis Perbandaran Kulim Kedah,  
No 104-120 Lorong Kota Kenari 5/1, Taman Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah Darul Aman.  
Tel : 04-4905664 / 04-4907526 / 04-4906522 Faks : 04-4901443 Bebas Tol : 1800-880-428  
Portal Rasmi : [www.mpkk.gov.my](http://www.mpkk.gov.my) : Laman Aduan : [e-aduan.mpkk.gov.my](http://e-aduan.mpkk.gov.my) : E-Mel : info@mpkk.gov.my